



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

### Berita Online

i

24 JAM

# BERITA

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

### Untuk makluman:

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP)   |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 15 MEI 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **KPDN**

# Rungutan ketiadaan beras tempatan makin kurang

**Serdang:** Rungutan yang ditentuinya beras tempatan dililat semasa berkemungkinan, susulan inflasi terhadap harga mengandarkan 140,000 ton bekalan bahan itu diproses dan dikeluarkan segera dari Kilang, sejauh Mac lalu.

Menteri Pertanian dan Negeri-negeri Makaun (KPKM), Dr. Datin Sri Mohamad Sali, berkata ia turutnya bekalan beras tempatan akan berkurangan sejauh empat diri (SSL) lagi bahan itu tidak mencukupi di sekitar.

Beliau berkata, KPKM dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Saru Hidup (KPDNS) akan termasuk memainkan peranan bagi mengatasi segala kekurangan yang ada.

"Bekalan sedang heran di pasaran, walaupun ada agensi dolak-pangannya sama sim, agensi di bawah gilir KPKM serun-

KPDNS memerhati), selain bertin-  
dat segera.

"Rungutan sekiranya suah  
berkurangan jika dibandingkan  
peringkat awal datu, namun masalah  
akan berterusan jika beras kita tidak capai sekurang lu-  
ruangnya SSL 80 peratus," katanya.

Sejauh ini, kerajaan mengu-

petai negara adalah 62 hingga 68 peratus.

Beliau berkata, melalui pelbagai inisiatif kerjasama termasuk Program Sinar Sawit Bersama Besser (SMART SBB) Ala Sekolah, penghasilan padu mula menunjukkan peningkatan baik.

"Selain itu, melalui Lembaran Kerjaan Pertanian Muda (JKAM), kerajaan sertakan membina jaringan lebih RM5 billion untuk pergelaran tanaman padi lima kali dasar dalam di kawasannya," katanya.

Semasa itu, mengenai da-  
ting beras rumput. Mohamad  
berkata, kerajaan mengasur SSL bekalan itu berodo di bawah 20 peratus.

Beliau serata, kerajaan yakini  
cadar SSL itu ampuh dilingkau,  
dan kepada 30 peratus sejara  
Pelan Strategik Pembangunan  
Industri Padi dan Negara men-  
jelang 2030.



Ashordin merwai pameran selepas memasuki ilmuwan  
Perpenting Pertanian dan Kuri pada Tahun 2024, Jambatan  
Perkembangan di UPM, Serdang, semalam.

BERITA HARIAN/MOKHTAR ABDULLAH

# KPDN rampas 153 cermin hadapan kereta tiruan

**Putrajaya:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) merampas 153 cermin hadapan kenderaan disyaki tiruan menerusi serbuan ke atas empat premis di Petaling Jaya dan Kepong, Khamis lalu.

Ketua Pengarah Penguin Kuasa KPDN, Datuk Azman Adam menerusi kenyataan semalam, berkata serbuan dilakukan hasil aduan yang diterima daripada wakil pemilik cap dagangan berdaftar serta risikan awal pihak KPDN.

“Hasil pemeriksaan lanjut ke atas premis terbabit (tiga di Petaling Jaya, satu di Kepong) menemui 153 cermin hadapan kenderaan disyaki dipakaikan cap dagangan secara salah mengikut Akta Cap Dagangan 2019 (Akta 815),” katanya.

Azman berkata, nilai rampasan keseluruhan dianggarkan RM140,200 manakala semua cermin hadapan kenderaan itu bersama beberapa dokumen perniagaan lain disita bagi tujuan siasatan.

# 4 lelaki termasuk pekerja stesen minyak ditahan seleweng diesel

**Alor Setar:** Empat lelaki termasuk seorang pekerja sebuah stesen minyak di Baling ditahan Kementerian Perdagangan Dalam dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kedah kerana disyaki cuba menyeleweng diesel.

Serbuan dilakukan empat pegawai dan anggota penguat kuasa KPDN Baling, semalam berdasarkan hasil risikan yang dilakukan sejak beberapa minggu yang lalu.

Pengarah KPDN Kedah, Muhammad Nizam Jamiludin, berkata mereka ditahan dalam serbuan dilakukan jam 1 tengah hari kelmarin.

Beliau berkata, hasil periksaan awal mendapati sebuah lori di stesen minyak itu sedang mengisi diesel ke dalam beberapa tong dalam keadaan mencurigakan.

"Ketika serbuan dilakukan, terdapat tiga lelaki berusia lingkungan awal 20-an hingga 30-an sedang mengisi minyak diesel ke dalam tiga tong plastik di bahagian belakang lori berkenaan.

"Hasil soal siasat mendapati, seorang individu

mengaku pemilik lori terbabit, namun gagal untuk mengemukakan sebarang permit yang sah untuk memiliki barang kawalan itu," katanya dalam satu kenyataan semalam.

## Sita 500 liter diesel

Muhammad Nizam berkata, berikutan itu, pasukan serbuan turut menyita diesel dianggarkan berjumlah 500 liter bernilai RM1,075.

Selain itu, beliau berkata, tiga tong plastik berkapasiti 200 liter dan lori terbabit disita untuk tinjakan lanjut.

"Kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) iaitu mana-mana orang jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan penalti sehingga RM1 juta atau penjara selama tiga tahun atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan pertama, manakala kesalahan kedua dan seterusnya denda tidak melebihi RM3 juta atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali."

"Bagi pertubuhan atau perbadanan pula boleh denda tidak melebihi RM2 juta bagi kesalahan pertama

dan RM5 juta bagi kesalahan kedua dan seterusnya.

"Kes ini juga boleh disiasat mengikut kesalahan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keaganasan dan Hasil Dari pada Aktiviti Haram 2011 (AMLATFPUAA) (Akta 613)," katanya.

KPDN Kedah turut memberikan amaran keras terhadap mana-mana individu dan pengusaha stesen minyak di negeri ini supaya mematuhi perundangan yang dikuatkuasakan kementerian.

"Sebarang maklumat penyelewengan barang kawalan dan bersubsidi boleh disalurkan melalui saluran disediakan pihak kementerian iaitu Portal e-aduan 2.0 <http://eaduan.kpdn.gov.my> atau Call Centre 1-800-886-800 atau e-mel [eaduan@kpdn.gov.my](mailto:eaduan@kpdn.gov.my).

"Selain itu, maklumat boleh disalurkan melalui aplikasi EZ ADU KPDN, Pusat Arahan Pengukuasaan (ECC) 03-88826088 /6245, WhatsApp 019-848 8000 dan 019-279 4317 serta Pejabat KPDN Kedah 04-7001745," katanya.

# 140,000 tan beras tempatan sudah berada di pasaran

Oleh AHMAD FADHLULLAH  
ADNAN

utusannews@mediamalaya.com.my

**SERDANG:** Sebanyak 140,000 tan stok padi dan beras tempatan sukan dan berada di pasaran ketika ini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, sehubungan itu rungutan berhubung ketiadaan bekalan beras tempatan ketika ini semakin berkurangan berbanding beberapa bulan lalu.

"Memang berlaku kelompokan dalam sektor berkenaan, ramun pihak Kawal Selia Padi dan Beras serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Saraw Hidup (KPDN) sentiasa menerhati dan cuba bertindak dengan segera," katanya kepada penoret selepas merasmikan Konvensyen Pengembangan Veterinar dan Hari Inovasi 2024 di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, semalam.

Dalam pada itu katanya, negara berpotensi terus berdepan dengan isu ketiadaan bekalan beras tempatan sekiranya tidak mencapai 80 peratus kadar sara diri (SSR).

Katanya, ini kerana negara pengeluar ada hak untuk menghentikan atau meneruskan eksport bekalan mereka.

Beliau memberi contoh se-



MOHAMAD Sabu bertanyakan sesuatu kepada salah seorang peserta ketika melawat reraui pameran selepas merasmikan Konvensyen Pengembangan Veterinar dan Hari Inovasi 2024 di Dewan Bankuet, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, semalam. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

peri isu bawang selepas India membenarkan semula eksport bekalan terabit.

"Adakah kita nak henti usaha tanam bawang di Malaysia? Saya kata teruskan kerana hak negara pengeluar untuk henti atau teruskan eksport."

"Tetapi, kita kena bersedia, di peringkat bawang, sekurang kurangnya kita kena ada 30 peratus (SSR) menjelang 2030.

"Beras pun begitu, hak negara pengeluar untuk eksport sebab mereka pun mahu mengutamakan kepentingan rakyat mereka sendiri," katanya.

Dalam pada itu, Mohamad menekankan keperluan inovasi SSR dalam bidang ruminan seperti yang digariskan.

"Kita masih jauh, berada di bawah 20 peratus menyediakan kecukupan daging di Malaysia

dan bergantung import. Sungguh sama ada daripada Australia, New Zealand, India dan berbagai negara lain," katanya.

Justeru, katanya, kerjasama semua pihak termasuk kerajaan negeri penting dalam meningkatkan SSR semua sektor.

Katanya, ini kerana sektor ternakan ini perlu kepada tanah yang agak luas, maka perlu kerjasama khasnya kerajaan negeri.

**Bantuan Panjang:** Beberapa stesen minyak di seluruh negara sejak semalam cuaca panas membuat sindiket pematuhan yang menggalakkan kenderaan dan roket petrol pindah dari Malaysia untuk memenuhi petrol sistem dibutuh ke Thailand.

Timpuan di lokasi mendapat kontroversi berkenaan sebab kelihatan mempunyai perasa berkenaan untuk mengisi naungan dalam tempoh satu jam.

Sifat ini jauh berbeza kepada risapan pertama minggu lalu, dengan sebahagian stesen yang sesak sehingga kenderaan tersebut beratur untuk mengisi minyak.

"Injauan surat maklumat terhadap itu, terdapat pascaan empat raja Kementerian Perdagangan

SEJAK stesen minyak di Kuantan Projek Intergrogjak semalam membuat pendekatan sindiket pematuhan untuk menggalakkan kenderaan dan roket petrol pindah dari Malaysia untuk memenuhi petrol sistem dibutuh ke Thailand.



## SELUDUP PETROL KE THAILAND Stesen minyak bertukar lengang

gangguan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Ridup (KPSR) bermiti di kawasan sekitar lagi meningkat aktiviti stesen minyak tersebut.

Pewaduan kerua sewa yang gemilau dilaksana setiap Abdullah, 60, berkata, sejak semalam kenderaan di stesen lengang dan puli berbeza dengan sebelum ini.

"Ika sebelum ni wakt pagi pun masih berpuas diri kenderaan masuk ke stesen minyak namun sejak semalam tidak dan bermula kelihan beberapa kenderaan sahaja."

"Saya tidak tahu kenapa, cuma ada dengan 'kawasan tengah peras', lamunya saja tidak tamu. Saya juga melihat ada anggota Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Ridup (KPSR) memantau situasi minyak," katanya.

Harian Metro sebaiknya melaporkan, sindiket penyeludupan petrol kerap menggunakan teknik berterburu dengan menggunakan kenderaan dan nombor pendaftaran Malaysia, untuk menyedur petrol sebelum menghambar bekalan tersebut ke Thailand.

Taklik berkenaan dikongsikan mula untuk sejak awal tahun ini dengan kawasan merangkung mereka canggung dilanggi warga Thailand menggunakan kereta Proton Waja memandangkan tinggi minyak yang lemah besar berbanding kenderaan teman.

Meski senggup membantu kenderaan Malaysia sebaliknya untuk tujuan berkenaan dengan setiap sindiket mempunyai sekutu yang kuatnya, tiga kenderaan untuk legitan menjelang minyak.

## KPDN tahan dua penjual cermin hadapan kereta tiruan

**Kuala Lumpur:** Dua lelaki yang dilahirkan Komuniti Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sera Hidup (KPDN) dalam serbuan di tiga premis di Petaling Jaya, Selangor serta sebuah premis di Kepung di sini, terus menangani cermin hadapan kenderaan di bawah tiruan.

Ketua Pengaruh Penguruh Kuda KPDN Datuk Hamid Adam berkata, serbuan itu dilakukan dalam operasi oleh sebahagian anggota penguruh Kuda KPDN bersama KPDN Subang dan KPDN Kuala Lumpur pada 9 Mei lalu.

Menurutnya, serbuan itu dilakukan hasil aduan di terima daripada wakil pem-

ilik cap dagangan berdaftar berikutnya serta risikan soal yang dilakukan oleh penadah.

"Hasil penertiban ini berthadap sebab premis tersebut, kami menemui tiga cermin hadapan kenderaan yang diyakini dipakai cap dagangan secara salah mengikut Akta Cap Dagangan 1966.

Kesemua cermin hadapan kenderaan itu bersama beberapa dokumen permohonan lain diturunkan bagi supaya mengesan, membelah, memata dan sehingga ke peringkat pecahmenik ke atas apa-apa hasil pendapatan atau harta ejana daripada aktiviti buram-pewlempeng berikutnya cap dagangan.

Lebih bertanggungjawab ke atas premis tersebut bagi memantau situasi," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Azman berkata, syarikat turisit juga akan dilantik mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Penyalayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram atau Akta Cap Dagangan 1966.

"Ia adalah bagi keselamatan pengubahan wang haram bagi supaya mengesan, membelah, memata dan sehingga ke peringkat pecahmenik ke atas apa-apa hasil pendapatan atau harta ejana daripada aktiviti buram-pewlempeng berikutnya cap dagangan.

**ANGOTA KPDN**  
 menertibkan sebahagian cermin hadapan kenderaan yang diyakini tiruan.



**153**  
 jadi kereta hadapan  
 kereta dan cermin  
 tiruan pada hari ini

"KPDN juga memberi lawan peringatan serta amaran kepada masyarakat supaya tidak melaksanakan aktiviti membuat barang yang tidak mendapat lesen atau kebenaran pemilik cap dagangan berdaftar yang sah.

"Ia tentamnya berkaitan dengan nilai guni akademik setempat ini kerina boleh mengancam keselamatan pengguna" katanya.

## **Komplot sindiket seleweng diesel subsidi tumpas**



TONG disyaki digunakan untuk mengisi diesel ditemui di belakang lori yang dimiliki KPDN dalam serbuan di stesen minyak i Baling.

**Ahor Setar:** Komplot menjual dan menyelewengkan diesel subsidi membabitkan pelajar stesen minyak serta sindiket dikesan semalam berlalu.

Kegiatan itu dikesan sejap empat lelaki termasuk pekerja stesen minyak di Baling ditahan Kementerian Perdagangan, Dalam dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Kedah selepas dikesan melalukan aktiviti baram itu semalam.

Pengarah KPDN Kedah, Muhammad Nizam Jumaidin berkata, serbuan dilakukan empat pegawai dan anggota penguruh kuanza KPDN Baling jam 1 petang berdasarkan risikan dilakukan sejak beberapa minggu lalu.

Katanya, hasil risikan mendapati ada sebuah lori mengisi diesel ke dalam beberapa tong dalam keadaan mencurigakan di sebuah stesen minyak.

"Ketika serbuan, terdapat tiga lelaki berusia awal 20-an hingga 30 tahun mengisi diesel ke dalam tiga tong plastik yang berada di belakang lori berkenaan.

"Permeriksaan ke atas lori itu menemui sejumlah diesel yang siap diisi ke dalam beberapa tong plastik.

"Seorang individu mengaku pemilik lori itu gagal mengemukakan sebarang permit sah untuk memiliki barang kawalan itu," katanya.

Muhammad Nizam berkata, semua 900 liter diesel bernilai RM1,075 termasuk tiga unit tong plastik berkapasiti 200 liter dan lori itu diaita.

"Kejadian ini mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) yang boleh membawa hukuman penalti sehingga RM1 juta atau penjaran selama tiga tahun atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan pertama," katanya..

Negara tak mampu lagi berdepan isu ketiadaan beras tempatan di pasaran

## Perlu capai 80 peratus SSL beras

Oleh ZULQFILY MANZOH

**SERDANG** – Malaysia berperlu tenis berdepan dengan isu ketiadaan bekalan beras tempatan jika negara gagal mencapai 80 peratus kadar sawah dari (SSL) beras.

Menteri Pertanian dan Kejuruteraan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, butir maksim penghasilan beras tempatan adalah antara 62 hingga 63 peratus.

Katanya, dengan pembakaran kuakian baharu pemanenan padi, pasti akan ada perubahan dari segi penghasilan beras sekitar 20 peratusnya dalam masa tujuh tahun akan datang.

Tetapi, padilah untuk mengejutkan penghasilan agak tinggi nula diperlukan cara mengurangkan Smart Sawah berskala besar ala Selincuan.

Apa pun, kita mestilah meningkatkan pengeluaran beras kerana negara pengeluar lain adu hak untuk menghentikan ekspor



MOHAMAD ketika ditemu pemberita di Konvensyen Pengembangan Veterinar dan Hari Inovasi 2024 di UPM, Serdang semalam.

bekalan mereka.

"Adakah-kira nak henti usaha tanaman di Malaysia? Saya kata

temukan kerana hak negara pengeluar untuk budi alam teruskan ekspor.

"Kita kena bersedia. Sebaliknya, contoh, bawang setiap kurangnya kita kena ada 80 per-

tut SSL meningkat 2030. Boleh gun begitu," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyemarak Konvensyen Pengembangan Veterinar dan Hari Inovasi 2024 di Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini semalam.

Mohamed berkata, rungu tan berhubung ketidaksesuaian bekalan beras tempatan di Malaysia bagaimanapun relah bertarung berbanding sebelum ini.

Menurutnya, sekitar 140,000 tan sawah dan beras yang dijadual untuk digenset sudah berada dalam pasaran meskipun masih berlaku sedikit ketengangan.

Semewas itu, beliau berkata, inovasi SSL dalam bidang nemisin seperti mana yang digelarkan pihak berwajib juga penting dilaksanakan bagi bekalan meningkat.

Ujarnya, bekalan dagang di Malaysia masih berjantung kepada import termasuk dari Australia, New Zealand dan India.



ANGGOTA penguat kuasa KPDN memeriksa cermin dalam serbuan di sebuah premis di Lembah Klang baru-baru ini.

## Kedai jual cermin kereta tiruan diserbu

**PUTRAJAYA** — Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) menyata sebanyak 153 keping cermin kendaraan dipercayai tiruan selepas melakukan serbuan ke atas empat buah premis di Lembah Klang baru-baru ini.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN, Datuk Azman Adam berkata, serbuan itu melibatkan tiga premis di Petaling Jaya, Selangor dan sebuah kedai di Kepong, Kuala Lumpur.

Menurut beliau, tindakan itu dibuat selepas pihaknya menerima aduan daripada wakil pemilik cap dagang berdaftar.

"Pemeriksaan mendapati di dalam kedai itu terdapat 153 keping cermin hadapan kendaraan dipercayai menggunakan cap dagangan secara salah

di bawah Akta Cap Dagangan 2019.

"Kesemua cermin bersama dokumen perniagaan telah disita untuk tujuan siasatan. Nilai keseluruhan rampasan tersebut dianggarkan berjumlah RM140,200," katanya dalam kenyataan semalam.

Azman memberitahu, pihaknya menahan dua lelaki tempatan berusia 20 dan 31 tahun bagi membantu siasatan.

Beliau memberi peringatan kepada mana-mana pihak agar tidak terlibat dalam aktiviti menjual barang yang tidak mendapat kelulusan atau kebenaran pemilik cap dagangan berdaftar terutama alat ganti kendaraan kerana boleh mengancam keselamatan pengguna.

# Rungutan beras tempatan berkurangan - Mohamad

Agihan 140,000 tan beras lancar, kelompongan dapat diatasi dengan baik

Oleh FARHANA  
ABD KADIR  
SERDANG

**A**gihan 140,000 tan beras di seluruh negara berjalan dengan lancar kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu.

Jelas beliau, walaupun terdapat kelompongan namun perkara tersebut dapat diatasi dengan baik.

Malah usaha tersebut muja menunjukkan hasil positif apabila rungutan daripada orang awam semakin berkurangan.

"140,000 metrik beras sudah ada di pasaran dan walaupun terdapat kelompongan tetapi pihak pengeluar dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) dapat mengatasi masalah ini."

"Rungutan yang kita



Mohamad (depan, kiri) melawat reruai selepas merasmikan Konvensyen Pengembangan Veterinar dan Hari Inovasi Jabatan Perkhidmatan Veterinar di Universiti Putra Malaysia (UPM) pada Selasa.

terima sekarang agak berkurangan berbanding di peringkat awal dahulu," katanya dalam majlis Konvensyen Pengembangan Veterinar dan Hari Inovasi 2024 di Dewan Bankuet Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini pada Selasa.

Pada 24 Mac lalu, kerajaan mengumumkan empat inisiatif untuk mengatasi isu kekurangan beras dalam pasaran.

Inisiatif tersebut turut memutuskan supaya semua stok semasa padi dan beras yang dibeli pengilang berjumlah 140,000 tan diproses dan dikeluarkan untuk kegunaan pasaran tempatan dengan serta-merta.

Dalam pada itu, menurut Mohamad, dengan pen-

capaian sedia ada negara mampu mencapai 80 peratus tahap sara diri (SSL), namun masalah bekalan makanan terutama beras perlu diatasi dengan baik bagi memastikan ia cukup untuk menampung keperluan rakyat.

"Jika kita tidak mengatas masalah ini dengan baik, negara akan berhadapan masalah beras dan sukar mencapai sekurang-kurangnya 80 peratus SSL bagi menampung permintaan dalam negara," katanya.

Sementara itu, mengenai daging ternakan ruminans, Mohamad berkata, kerajaan mengakui SSL bekalan itu berada di bawah tahap 20 peratus.

Beliau bagaimanapun berkata, kerajaan yakin kadar

SSL itu mampu ditingkatkan kepada 50 peratus selaras dengan Pelan Strategik Pembangunan Industri Pegading Negara menjelang 2030.

"Kita sedang berusaha ke arah itu, tetapi untuk akuakultur pula kita hamper mencapai sasaran cuma beras masih sekitar 60 hingga 62 peratus.

"Sehingga kini dalam bidang ruminan kita masih jauh berada di bawah 20 peratus dengan bergantung kepada import yang tinggi dari Australia, New Zealand dan India," jelas beliau.

Mohamad berkata, bagi meningkatkan SSL daging ternakan ruminans, kerentan birokrasi perlu segera ditangani oleh pihak berkuasa tempatan (PBT).

**140,000 METRIC TONNES**

## Rice distribution going well, says Mohamad

**SERDANG:** The distribution of 140,000 metric tonnes of rice nationwide is proceeding smoothly, said Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu.

“Despite shortages, the matter has been managed well,” he said at the inauguration of the Veterinary Development Convention and Innovation Day at Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, here.

Mohamad said producers, in cooperation with the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry, were able to address the shortages, with 140,000 metric tonnes of rice now in the market.

He said this had led to positive results, based on the drop in the number of public complaints.

“We noticed that there are now fewer complaints.”

He said with the current achievements, the country was capable of achieving an 80 per cent self-sufficiency rate (SSR) target.

“However, food supply issues, especially concerning rice, need to be addressed properly, otherwise the country will face the same problems again and might struggle to achieve at least 80 per cent of the SSR to meet domestic demands,” he said.

A total of 500 employees from the Veterinary Services Department attended the convention, which ends tomorrow.

The convention brought together development agents and technical officers from departments across Malaysia in a forum aimed at sharing experience, latest technologies and knowledge related to the livestock industry.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# RM15.11 billion laksana 270 program keusahawanan

Dana bakal beri manfaat kepada 479,350 penerima

**Putrajaya:** Kerajaan memperuntukkan RM15.11 billion bagi melaksanakan 270 program keusahawanan sepanjang tahun ini, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, berkata berdasarkan pelaporan Pelan Tindakan Bersepadu PMKS (SMEIPA) 2023/2024, peruntukan itu bakal memberi manfaat kepada 479,350 penerima.

Beliau berkata, semua program berkenaan sudah dirancang oleh pelbagai kementerian, agensi dan kerajaan negeri.

"Saya melihat pelaporan SMEIPA sedia ada perlu dimantapkan agar dapat dijadikan sebagai rujukan utama untuk digunakan sepenuhnya oleh semua pemegang taruh, khususnya kementerian dan agensi yang berada dalam ekosistem keusahawanan agar tidak berlaku lagi pertindihan pelaksanaan program perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) di seluruh negara," katanya.

Ahmad Zahid berkata demikian selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Pembangunan Usahawan dan PMKS Kebangsaan (SEK-MPUPK) Bil 2/2024 di sini, semalam.

Beliau berkata, bilangan program dan perbelanjaan bagi pro-



Ahmad Zahid ketika mempengurusikan mesyuarat Majlis Pembangunan Usahawan dan PMKS Kebangsaan Bil 2/2024 di Putrajaya, semalam.  
(Foto ihsan FB Ahmad Zahid)

ram keusahawanan serta pembangunan PMKS secara purata adalah sebanyak 191 program setiap tahun dengan komitmen tahunan sebanyak RM9.6 billion.

"Malah, pada 2023 sahaja, sebanyak RM15.48 billion dibelanjakan bagi 258 program keusahawanan dan pembangunan PMKS," katanya yang juga Pengerusi Majlis Pembangunan Usahawan dan PMKS Kebangsaan.

Ahmad Zahid berkata, mesyuarat turut bersetuju agar Sistem Pendaftaran Status PMKS disepakati bersama sistem utama lain seperti PADU (Pangkalan Data Utama), Pangkalan Data SSM (Suruhanjaya Syarikat Malaysia) dan GovTech Malaysia.

"Ini bagi meningkatkan sinergi antara kementerian dan agensi seterusnya menambah baik sistem penyampaian kerajaan, terutama dalam pembangunan ke-

usahawanan," katanya.

Beliau berkata, Sistem Pendaftaran Status PMKS bertujuan meningkatkan aspek penyelarasan program pembangunan usahawan yang dilaksanakan oleh SME Corp Malaysia, dalam memastikan program yang dilakukan lebih bersasar kepada usahawan dan PMKS sekali gus mengelakkan ketirisan.

## Perkuuh kerjasama

Ahmad Zahid berkata, mesyuarat turut mengesahkan penambahan keanggotaan sedia ada bagi memperkuuh kerjasama antara kementerian dalam memperkasa pembangunan PMKS di negara ini.

Beliau berkata, penambahan keanggotaan itu membabitkan Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) sebagai tambahan kepada

Kementerian Kewangan, Kementerian Ekonomi dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

"Saya percaya melalui penglibatan KKDw dan MITI dalam keanggotaan SEK-MPUPK ini membolehkan penajaran dan koordinasi yang lebih bersepadu bagi semua program pembangunan usahawan dan PMKS khususnya bagi menembusi pasaran global dan meluaskan capaian sehingga kawasan luar bandar," katanya.

Beliau turut menyarankan agar semua kementerian dan agensi untuk sentiasa memastikan agenda pembangunan usahawan dilaksanakan secara menyeluruh serta bersepadu kerana tindakan itu penting bagi mengelak pertindihan program, mewujudkan ketelusan yang baik dalam perkhidmatan kerajaan dan mengurangkan pembazir sumber kerajaan. BERNAMA

## 270 program keusahawanan dirancang

**PUTRAJAYA:** Kerajaan merancang pelaksanaan 270 program keusahawanan dengan pertutuan kewangan berjumlah RM15.11 bilion pada tahun ini yang akan memanfaatkan 479,250 penerima.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, secara purata, sebanyak 193 program keusahawanan serta pembangunan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dilaksanakan setiap tahun dengan konsistensi berjumlah RM9.6 billion.

Malah, katanya, sebanyak 15.48 bahan dibentangkan ke atas 258 program keusahawanan dan pembangunan PMKS sepanjang tahun lalu yang direkodkan menerusi pelaporan Pelan Tindakan Bersepadu PMKS (SMEIPA) 2023/2024.

"Pelaporan SMEIPA sedia ada perlu dijadikan rujukan utama kesemua pemegang taruh, khususnya kementerian dan agensi dalam ekosistem keusahawanan agar tidak berlaku lagi pertindihan pelaksanaan program program PMKS di seluruh negara."

"Bagi menambah baik usaha penyelarasan program pembangunan usahawan, SME Corp Malaysia turut melaksanakan Sistem Pendaftaran Status PMKS bagi memastikan program yang dilakukan adalah lebih bersasar kepada usahawan dan PMKS, seterusnya mengelakkan ketirisan," katanya.

Terdahulu, beliau memperkenalkan mesyuarat Majlis Pembangunan Usahawan dan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) Kebangsaan di Putrajaya, semalam.



AHMAD Zahid Hamidi mempengerusikan mesyuarat Majlis Pembangunan Usahawan dan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) Kebangsaan di Putrajaya, semalam.

sini semalam.

Ahmad Zahid yang juga Pengurus MPUPK berkata, mesyuarat tersebut setuju Sistem Pendaftaran Status PMKS disepakati bersama sistem utama lain seperti PADU, Pangkalan Data SSM dan GovTech MALAYSIA.

Katanya, ia bagi meningkatkan

sinergi antara kementerian dan agensi seterusnya menambah baik sistem penyampaian kerajaan, terutamanya dalam pembangunan keusahawanan.

"Kementerian dan agensi kerajaan disarankan untuk sentiasa memastikan agenda pembangunan usahawan dilaksanakan se-

cara menyeluruh dan bersepadu kerana tindakan ini amat penting bagi memastikan tiada lagi pertindihan program berlaku."

"Ini mewujudkan keterusan yang lebih baik dalam perkhidmatan kerajaan dan mengurangkan pembaziran sumber ketajaian," katanya.

# RM15.11 billion laksana 270 program keusahawan

**PUTRAJAYA** – Kerajaan merancang untuk melaksanakan sebanyak 270 program keusahawanan dengan peruntukan kewangan berjumlah RM15.11 bilion pada tahun ini bagi memanfaatkan 479,350 penerima.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi berkata, secara purata sebanyak 191 program keusahawanan serta pembangunan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dilaksanakan setiap tahun dengan komitmen RM9.6 billion.

Katanya, sebanyak 15.48 billion dibelanjakan ke atas 258 program keusahawanan dan pembangunan PMKS sepanjang tahun lalu yang direkodkan menerusi pelaporan Pelan Tindakan Bersepadu PMKS (SMEIPA) 2023/2024.

"Pelaporan SMEIPA sedia ada perlu dijadikan rujukan utama kesemua pemegang taruh, khususnya kementerian dan agensi dalam ekosistem keusahawanan agar tidak berlaku lagi pertindihan pelaksanaan program-program PMKS di seluruh negara."

"Bagi menambah baik usaha penyelarasan program pembangunan usahawan, SME Corp Malaysia turut melaksanakan Sistem Pendaftaran Status PMKS.

"Ini bagi memastikan program yang dilakukan lebih bersasar



**AHMAD ZAHID** mempengerusikan mesyuarat Majlis Pembangunan Usahawan dan PMKS Kebangsaan (MPUPK), di Putrajaya semalam.

